

# UMS bina Pusat Penyelidikan Makanan Ternakan di Apin-Apin

UB 8.8.2016 B4

Oleh DELLROY

**KENINGAU:** Universiti Malaysia Sabah UMS akan membina sebuah Pusat Penyelidikan Makanan Ternakan di Apin-Apin, di sini.

Lebih RM10 juta diperuntukkan pihak UMS bagi membina pusat itu yang mempunyai keluasan 74 ekar. Daripada jumlah itu, seluas 60 ekar akan dibangunkan sebagai ruang inkubasi ternakan tenusu sementara 14 ekar lagi ruang penyelidikan dan pentadbiran bagi pusat penyelidikan berkenaan.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata sekiranya kelulusan telah dimeterai di antara UMS dan pihak industri maka kerja pembinaannya



**KAMIL**

akan dimulakan pada bila-bila masa sahaja.

“Ruang inkubasi ternakan tenusu berperanan sebagai pusat latihan kepada mahasiswa, para graduan dan usahawan muda agar dapat mendalami ilmu ternakan tenusu secara praktikal selain berperanan



**VICTOR**

dalam menjalankan formulasi makanan ternakan berasas sumber tempatan pada kos yang lebih murah dan mapan,” katanya.

Katanyamelalui pembinaan pusat itu, pihak UMS juga mempunyai rancangan untuk menjadikan kawasan pedalaman sebagai pusat



**ROSMI**

eko-pelancongan pendidikan yang mampu memberi impak ekonomi yang baik kepada masyarakat setempat.

Sementara itu, para penduduk disekitar Kampung Apin-Apin menyambut baik usaha pihak UMS dalam membina pusat penyelidikan berkenaan.

Pengerusi JKKK Megitom Baru, Apin-Apin Rosmi Jamisin, 39, berkata ia amat bertepatan dalam meningkatkan ekonomi penduduk kampung melalui peluang pertanian dan kerjaya di pusat itu nanti.

Manakala bagi penduduk Kg Linsudan, Apin-Apin Victor Kumin, 38, pembangunan seperti itu sudah lama dinanti-nantikan penduduk di situ kerana ia merupakan satu usaha yang baik daripada UMS.

Penduduk Kg Kasugui Apin-Apin Kamil Yunus, 42, pula berkata UMS memang sangat jauh tetapi dengan adanya pusat itu nanti, ia bakal merubah sosio ekonomi penduduk kampung.



**PENGETUA SMK Apin-Apin Cheah Chu Tai (dua kiri) menerima sumbangan komputer riba daripada UMS yang disampaikan oleh Harun (dua kanan).**